

Kewibawaan Dr M tidak harus dicabar

GEORGETOWN, Isnin — Beberapa pemimpin Umno di Pulau Pinang berpendapat kewibawaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai pemimpin, tidak harus dicabar oleh mana-mana pemimpin Umno, termasuk mereka yang dalam kabinet.

Ini kerana Datuk Seri Dr Mahathir berjaya membuktikan kepemimpinannya yang sederhana dan berkesan, termasuk menyatupadukan orang Melayu.

Setiausaha Biro Pelajaran Umno, Dr Ibrahim Saad, berkata disebabkan kewibawaan ini, Datuk Seri Dr Mahathir perlu diberi laluan untuk menerajui parti.

Dr Ibrahim, yang akan bertanding merebut kerusi Majlis Tertinggi (MT), yakin Datuk Seri Dr Mahathir akan diberi mandat baru oleh perwakilan parti.

"Ini kerana kepemimpinannya masih diperlukan oleh orang Melayu," katanya.

Pegerusi Biro Dakwah Umno bahagian Nibong Tebal, Haji Yusof Ariff, pula berkata Umno memerlukan pemimpin yang matang, mempunyai ciri kepimpinan yang baik, berfikiran luas dan berakhlak mulia.

Dalam hubungan ini, katanya, Datuk Seri Dr Mahathir membuktikan kemampuannya memimpin 1.4 juta ahli dan orang Melayu di luar parti.

Haji Yusof berkata tidak wajar ada pihak yang sanggup melemparkan pelbagai tohmah terhadap pucuk pimpinan untuk memberi gambaran yang salah kepada ahli parti.

Saya hairan mengapa ada pemimpin Umno yang sebelum ini menyokong pucuk pimpinan, tiba-tiba beralih haluan membuat kecaman yang melulu terhadap dasar negara?" katanya.

Haji Yusof bimbang perpaduan orang Melayu terjejas oleh gejala yang tidak sihat ini. Katanya ini adalah angkara sebilangan kecil pemimpin yang ingin merebut kuasa dengan menanggung di air keroh.

"Mereka tidak sepatutnya berbuat demikian jika cintakan perpaduan parti dan orang Melayu," tegasnya.

Mengenai Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Razaleih Hamzah, yang bertanding jawatan Presiden, Haji Yusof berkata sebagai ahli Umno, beliau berhak berbuat demikian, tetapi beliau meragukan kemampuan Tengku Razaleigh untuk mengendalikan pucuk pimpinan parti yang semakin mencabar itu.

Sementara itu menurut sumber, pertemuan Perdana Menteri dengan Perhubungan Umno Pulau Pinang petang semalam, berjaya menjelaskan beberapa kekeliruan.

Beberapa ahli Umno yang hadir di perjumpaan itu berkata, Datuk Seri Dr Mahathir menjawab beberapa soalan berhubung perkembangan pemilihan pucuk pimpinan dengan tenang.

"Beliau tidak menunjukkan sebarang emosi sewaktu ditanya mengenai kecaman terhadapnya oleh golongan yang menentangnya," kata seorang ahli yang hadir.

Beberapa ahli Umno menyatakan mereka berpuas hati atas penjelasan yang diberikan oleh pucuk pimpinan parti dan yakin Datuk Seri Dr Mahathir akan mengekalkan jawatannya